


1. Syarikat Rossa hanya dapat melaksanakan projek perumahan di Presint 11, Putrajaya dan terpaksa menangguhkan projek perumahan di Presint 18, Putrajaya disebabkan....

- A pendapatannya adalah terhad
- B kehendak manusia yang terhad
- C modal dan buruh yang dimiliki terhad
- D peruntukan sumber hasil kerajaan terhad

2. **Rajah 1** menunjukkan suatu keluk kemungkinan pengeluaran.



Rajah 1

Pilih pernyataan yang benar tentang kombinasi pengeluaran di titik C

- A Faktor pengeluaran digunakan secara maksimum tanpa membazir
 - B Mencapai kecekapan pengeluaran dalam proses mengeluarkan barang
 - C Tingkat pengeluaran barang tidak tercapai akibat kekurangan faktor pengeluaran
 - D Tingkat pengeluaran tidak cekap kerana faktor pengeluaran tidak digunakan sepenuhnya
3. Pilih pasangan yang betul.

	Masalah Asas Ekonomi	Keterangan
A	Apa yang hendak dikeluarkan	Diselesaikan dengan tujuan untuk memenuhi keperluan dan kehendak pengguna
B	Berapa yang hendak dikeluarkan	Dikeluarkan melalui penggabungan faktor pengeluaran secara optimum
C	Bagaimana hendak dikeluarkan	Dieselising melalui corak agihan pendapatan
D	Untuk siapa dikeluarkan	Dikeluarkan bergantung kepada harga relatif faktor pengeluaran

4. Pernyataan yang manakah betul tentang ekonomi Islam?
- A Pengeluar mengeluarkan barangan untuk mendapat keuntungan
 - B Wujudnya persaingan yang adil dan saksama antara pengeluar
 - C Mementingkan kebendaan dan kekayaan di dunia
 - D Individu bebas memiliki sumber ekonomi
5. **Jadual 1** menunjukkan permintaan pasaran.


Harga (RM)	Kuantiti Diminta (unit)	
	Pengguna A	Pengguna B
10.50	80	70
20.50	70	65
30.50	60	60
40.50	55	55

Jadual 1

Berapakah harga keseimbangan, jika kuantiti penawaran ialah 110 unit.

- A RM 10.50
- B RM 20.50
- C RM 30.50
- D RM 40.50


6. **Rajah 2** menunjukkan keseimbangan dalam pasaran barang.



Rajah 2

Apakah akan terjadi jika berlaku peralihan keluk permintaan di atas?

- A Wujud lebih penawaran dalam pasaran
 - B Harga keseimbangan akan meningkat
 - C Kuantiti keseimbangan tidak berubah
 - D Harga keseimbangan akan menurun
7. **Rajah 3** menunjukkan keluk penawaran bagi beg tangan.



Rajah 3


Apakah penentu penawaran yang menyebabkan peralihan keluk di atas?

- A Kerajaan mengenakan cukai jualan
- B Harga faktor pengeluaran telah menurun
- C Matlamat pengeluar memaksimumkan keuntungan
- D Harga beg tangan dijangka meningkat pada masa depan

8. Pasangan yang manakah **betul**?

	Perubahan dalam kuantiti ditawarkan	Perubahan penawaran
A	Penentu ialah faktor harga barang lain	Penentu ialah faktor harga barang itu sendiri
B	Melibatkan dua keluk penawaran	Melibatkan satu keluk penawaran sahaja
C	Apabila harga tetap, kuantiti ditawarkan berubah	Apabila harga berubah, kuantiti ditawarkan berubah
D	Berlaku pergerakan titik di sepanjang keluk penawaran	Berlaku peralihan keluk penawaran ke kanan atau ke kiri

9. **Rajah 4** menunjukkan keluk permintaan dan penawaran pasaran bagi ikan siakap.



Rajah 4

Berapakah kuantiti ikan siakap pada X dan Y apabila berlaku lebihan penawaran ikan siakap sebanyak 50 kg pada harga RM15 dan lebihan permintaan ikan siakap sebanyak 80 kg pada RM8?

	X	Y
A	20 kg	90 kg
B	20 kg	100 kg
C	30 kg	90 kg
D	30 kg	100 kg


10. **Jadual 2** menunjukkan hubungan antara tingkat harga dengan kuantiti ayam.

Harga (RM)	Kuantiti Ayam Diminta (Kg)
8	50
12	40
16	30

Jadual 2

Jika harga meningkat daripada RM8 kepada RM16, berapakah nilai keanjalan harga permintaan?

- A 0.40
 - B 0.67
 - C 1.33
 - D 2.50
11. **Rajah 5** menunjukkan sejenis keanjalan harga permintaan.



Rajah 5

Pernyataan manakah yang betul?

- A Pekali keanjalan kurang daripada satu
- B Jenis barang adalah barang keperluan
- C Peningkatan harga 2% menyebabkan penurunan kuantiti diminta lebih 2%
- D Peratus perubahan harga lebih besar daripada peratus perubahan kuantiti

12. Apakah faktor yang menyebabkan sesuatu barang itu cenderung menjadi anjal harga permintaan?
- A Barang itu tidak mempunyai banyak barang pengganti
 - B Barang itu mempunyai jangka masa pendek
 - C Barang itu ialah barang mewah
 - D Barang tidak tahan lama
13. **Jadual 3** menunjukkan peratus perubahan harga dan peratus perubahan kuantiti bagi penawaran barang A dan barang B.

Barang	Peratus Perubahan Kuantiti	Peratus Perubahan Harga
A	20%	60%
B	50%	30%

Jadual 3

Padanan yang manakah betul tentang barang A dan barang B?

	Barang A	Barang B
A	Peratus perubahan kuantiti sama dengan peratus perubahan harga	Peratus perubahan kuantiti lebih besar daripada peratus perubahan harga
B	Pekali keanjalan lebih besar daripada 1	Pekali keanjalan kurang daripada 1
C	Keluk penawaran lebih landai	Keluk penawaran lebih curam
D	Merupakan barang pertanian	Merupakan barang perkilangan

14. **Gambar 1** menunjukkan logo sebuah institusi kewangan di Malaysia.



Gambar 1

Fungsi yang manakah betul berkaitan dengan logo tersebut?

- I Memberikan pinjaman
- II Menyediakan khidmat insurans
- III Jurubank kepada bank perdagangan
- IV Mengawal kestabilan nilai mata wang

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

15. Apakah pekerjaan yang tergolong dalam sektor ketiga?

- A Pekerja ladang getah
- B Pengurus pengeluaran
- C Juruteknologi makanan
- D Pegawai syarikat pemasaran

16. Padanan yang manakah betul berkaitan dengan faktor pemilihan pekerjaan?

	Faktor Pemilihan	Situasi
A	Waktu bekerja	Aini, seorang ibu tunggal kepada dua orang anak menjalankan perniagaan tudungnya secara dalam talian.
B	Upah	Aiman meninggalkan kerjayanya sebagai arkitek di syarikat pembinaan untuk menjawat jawatan Pegawai Tadbir di Putrajaya.
C	Kelayakan akademik	Cik Azizah memilih kerjaya sebagai guru tadika walaupun memiliki Diploma Perakaunan.
D	Jaminan kerja	Azrul meletak jawatan sebagai kerani untuk menjalankan perniagaan.

17. **Jadual 4** menunjukkan perbelanjaan dan potongan wajib Encik Danish.

Butiran	RM
Zakat	150
Cukai Pendapatan	55
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	200
Insurans nyawa	60
Sewa	400

Jadual 4

Berapakah jumlah potongan wajib?

- A RM405
- B RM410
- C RM455
- D RM465

18. **Gambar 2** menunjukkan salah satu bentuk pelaburan yang terdapat dalam pasaran.





Gambar 2

Padanan yang manakah betul mengenai pulangan pelaburan tersebut.

	Tahap risiko	Pulangan	Kecairan
A	Bebas Risiko	Rendah	Tinggi
B	Rendah	Tinggi	Rendah
C	Sederhana	Tinggi	Rendah
D	Tinggi	Tinggi	Rendah

19. Antara berikut, yang manakah dapat dilakukan oleh sebuah firma pembuatan perabot kayu dalam jangka masa pendek?

- I Menambah saiz kilang
- II Menambah masa bekerja pekerja
- III Menambah jumlah stok kayu getah
- IV Menambah mesin pemotongan kayu

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

20. Maklumat berikut menunjukkan kos pengeluaran bagi Syarikat Ah Cheng.

Kos Tetap	RM 50.00
Kos Berubah	RM 30.00
Kos Purata	RM 2.00

Berapakah unit jumlah keluaran bagi syarikat tersebut?

- A 40 unit
- B 60 unit
- C 80 unit
- D 100 unit

21. Antara berikut, faktor manakah yang boleh meningkatkan produktiviti

- A menambahkan kos pengeluaran
- B menggunakan buruh sedia ada
- C menggunakan teknologi yang canggih
- D memanjangkan tempoh pengeluaran

22. Situasi yang manakah merujuk kepada kos sosial?

- A Syarikat Alaf Daya Sdn. Bhd. mengutamakan buruh asing berbanding buruh tempatan kesan daripada pelaksanaan dasar upah minimum
- B Penjual pakaian terpakai menanggung kos import yang tinggi kesan kejatuhan nilai Ringgit Malaysia
- C Firma Azalia terpaksa membuat pembelian bahan mentah yang lebih mahal kesan daripada pandemik COVID-19
- D Nelayan air tawar di Kg. Fajar mengalami kerugian kesan daripada pencemaran sungai

23. Apakah objektif makroekonomi negara yang ingin dicapai oleh kerajaan?

- I Pertumbuhan ekonomi
- II Imbangan pembayaran defisit
- III Tingkat harga umum meningkat
- IV Kadar pengangguran kurang daripada 4%

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D II dan IV

24. Situasi di bawah ialah satu keadaan ekonomi yang berlaku di sebuah negara.

Situasi 1 : Kejatuhan kuasa beli yang berlaku di negara ini kesan daripada kejatuhan nilai mata wang tempatan.

Situasi 2 : Keadaan semakin kritikal apabila kerajaan menaikkan gaji minimum RM1,500 dalam pasaran buruh dilaksanakan di semua sektor sama ada kerajaan atau swasta.

Pasangan yang manakah **benar** berkaitan keadaan inflasi di atas?

	Situasi 1	Situasi 2
A	Inflasi tarikan permintaan	Inflasi diimport
B	Inflasi tolakan kos	Inflasi tarikan permintaan
C	Inflasi diimport	Inflasi tolakan kos
D	Inflasi diimport	Inflasi tarikan permintaan

25. Antara yang berikut, manakah yang menyumbang kepada KDNK Malaysia?

- I Syarikat tempatan yang beroperasi di Singapura menghantar balik keuntungan
- II Maybank Berhad telah membayar upah kepada pekerja tempatan
- III KFC membuka cawangan restoran di Shah Alam, Selangor
- IV Penerbangan Air Asia Berhad yang beroperasi di Indonesia menghantar balik dividen ke Malaysia

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

26. Antara berikut, situasi yang manakah menunjukkan kesan pertumbuhan ekonomi secara mampan?

- A Kewujudan sekolah-sekolah berteraskan vokasional bagi memenuhi keperluan pasaran buruh.
- B Peningkatan sifat kepenggunaan yang tinggi dalam diri masyarakat sesebuah negara
- C Perubahan dasar pentadbiran berasaskan sentimen politik
- D Pola perubahan system politik negara yang cenderung untuk kerap berubah

27. Apakah alat fiskal yang sepatutnya dilakukan oleh kerajaan dalam menangani peningkatan kos sara hidup secara mendadak?

- A Menurunkan kadar cukai dan perbelanjaan kerajaan
- B Meningkatkan kadar cukai dan perbelanjaan kerajaan
- C Meningkatkan kadar cukai dan menurunkan perbelanjaan kerajaan
- D Menurunkan kadar cukai dan meningkatkan perbelanjaan kerajaan

28. Antara yang berikut, yang manakah dikategorikan sebagai perbelanjaan pembangunan?

- A Pembayaran kelengkapan untuk membangunkan sektor perkhidmatan awam
- B Pemberian hadiah insentif berbentuk kewangan bagi membangunkan modal insan tempatan
- C Pemyelenggaraan dan baik pulih kemudahan yang dapat digunakan oleh masyarakat
- D Pemberian subsidi kepada pengeluar tempatan bagi meningkatkan daya saing pengeluar

29. Apakah kesan pelaksanaan dasar kewangan mengembang oleh bank pusat terhadap ekonomi?

- A Mengawal kenaikan harga barang
- B Mengurangkan kuasa beli masyarakat
- C Menjejaskan aktiviti pengeluaran barangan
- D Menurunkan kadar pengangguran dalam ekonomi

30. Sekiranya bank pusat menetapkan kadar faedah yang lebih tinggi, apakah kesan terhadap ekonomi?

- I Alat untuk mengurangkan pengangguran
- II Digunakan semasa berlaku inflasi
- III Kekurangan permintaan agregat berbanding penawaran agregat
- IV Meningkatkan perbelanjaan agregat dilakukan oleh pengguna

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

31 Maklumat berikut adalah tentang perdagangan antarabangsa.

Syarikat Jepun menggunakan kapal kargo Malaysia untuk mengeksport jentera ke Malaysia

Apakah komposisi perdagangan yang terlibat?

- I Eksport barang nampak
- II Eksport barang tak nampak
- III Import barang nampak
- IV Import barang tak nampak

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

32. Apakah cara yang paling berkesan untuk menghadkan kuantiti barang diimport?

- A Tarif
- B Kuota
- C Embargo
- D Kawalan pertukaran asing

33.

Pelaburan langsung asing memberikan impak positif kepada sesebuah negara.

Keadaan yang manakah menunjukkan pernyataan di atas?

- I Memudahkan proses kemasukan jentera moden dari negara pengeluar
- II Berlaku ketidakseimbangan pendapatan antara firma tempatan dan firma asing
- III Peningkatan aliran untung firma asing beroperasi dalam negara ke luar negara
- IV Kemahiran modal insan dapat dibangunkan melalui program latihan yang disediakan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

34. Jadual berikut menunjukkan kadar pertukaran antara Ringgit Malaysia (RM) dengan mata wang negara asing.

Mata Wang	Harga Belian (RM)	Harga Jualan (RM)
1 Euro	4.9258	4.9795

Seorang pelancong Eropah ingin menukarkan 400 Euro kepada Ringgit Malaysia. Berapakah Ringgit Malaysia yang diterima oleh pelancong tersebut?

- A RM 80.33
- B RM 81.21
- C RM 1 970.32
- D RM 1 991.80

Soalan 35 hingga Soalan 40 berdasarkan pilihan jawapan seperti jadual di bawah.

Pilihan	Pernyataan 1	Pernyataan 11
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

35. I Sekatan perdagangan antarabangsa akan mewujudkan peluang pekerjaan kepada buruh tempatan.
 II Sekatan perdagangan antarabangsa akan membantu memperbaiki imbalan pembayaran negara.
36. I Pendapatan faktor produktif terdiri daripada faedah, dividen, untung dan bayaran pindahan.
 II Untung ialah ganjaran kerana sanggup menanggung risiko.
37. I Pendapatan boleh guna boleh digunakan untuk membeli barang tahan lama.
 II Barang tahan lama melibatkan perbelanjaan yang kecil.
38. I Pengangguran berstruktur berlaku apabila berlaku pengurangan dalam permintaan agregat yang menyebabkan pengurangan dalam pengeluaran dan penggunaan buruh dikurangkan.
 II Pengangguran geseran ialah keadaan tenaga buruh tidak bekerja dalam sesuatu jangka masa apabila berlaku perpindahan pekerjaan.
39. I Inflasi berlaku apabila tingkat harga umum mengalami peningkatan secara berterusan.
 II Inflasi akan menyebabkan peningkatan daya saing barang tempatan pasaran global.
40. I Pelancong dari Australia telah melawat negeri Melaka menyebabkan berlakunya penawaran ke atas Ringgit Malaysia.
 II Permintaan Ringgit Malaysia bertambah apabila Encik Ahmad menghantar anaknya melanjutkan pelajaran di New Zealand.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT